



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**GESAAAN AGAR SEMUA PIHAK MAIN PERANAN TANGANI PENCEMARAN
SUNGAI**

21 JULAI 2019

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui menterinya YB Dr. Xavier Jayakumar menggesa semua pihak dan agensi yang terlibat untuk memainkan peranan mencegah aktiviti yang mampu memudaratkan sungai sebagai sumber air mentah utama negara.
2. Beliau berkata demikian dengan merujuk kepada insiden henti tugas loji rawatan air oleh Pengurusan Air Selangor (AiS) bermula petang Jumaat lalu (19 Julai 2019) yang berpunca dari pencemaran bau pada sumber air mentah. Pencemaran tersebut telah menyebabkan AiS bertindak menutup tiga (3) Loji Rawatan Air utama mereka iaitu Loji Sungai Selangor 1, 2 dan 3 serta Loji Rawatan Air Rantau Panjang bagi mengelakkan air tercemar dari diproses dan diagihkan kepada para pengguna.
3. Natijah dari penutupan 3 loji tersebut ialah hampir 5 juta pengguna di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur telah terjejas bekalan air. Agensi berkaitan di bawah KATS iaitu AiS, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Pengairan dan Saliran serta Indah Water Konsortium telah mengerahkan kudrat bagi mempercepatkan pemulihan termasuk mengenal pasti punca pencemaran melalui ujian yang dilaksanakan di Batang Kali, Selangor semalam.

4. Sehubungan itu, Dr. Xavier mahukan agar setiap agensi kerajaan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan tugas memantau aktiviti yang berlangsung di sepanjang pesisir sungai. Menurut beliau, sekiranya PBT peka dengan sebarang aktiviti mencurigakan yang berlangsung di kawasan seliaan mereka, insiden pencemaran sebegini dapat dielakkan dan ianya sudah tentu tidak akan membebankan pengguna sebagaimana kini. YB Menteri juga menyarankan agar PBT menyita mana-mana premis yang disyaki menjadi penyumbang kepada pencemaran sungai dan seterusnya mengambil tindakan lanjut termasuk mengambil tindakan undang-undang kepada pihak yang terbabit.
5. Pada waktu sama, beliau turut menyarankan kepada agensi berkaitan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar yang bernaung di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) serta agensi-agensi di bawah kerajaan negeri untuk turut sama mengambil langkah proaktif pencegahan melalui aktiviti pengauditan secara berterusan serta penguatkuasaan di sepanjang jajaran sungai sama ada di negeri Selangor mahupun di lain-lain negeri.
6. SPAN sebagai sebuah badan kawal selia perkhidmatan air dan pembetungan akan membuka kertas siasatan dan akan mengambil tindakan kepada mereka yang dikenal pasti melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).
7. Beliau turut mengingatkan bahawa tugas memulihara sumber air bukanlah tugas agensi kerajaan tertentu semata-mata. Sebagaimana air bersih merupakan keperluan asas manusia, ianya merupakan tanggungjawab setiap dari warga Malaysia untuk memastikan sungai tidak dicemari dan air bersih digunakan secara sewajarnya.
8. Untuk rekod, kerja pemuliharaan sumber tercemar sedang giat berlangsung. AiS sedang memulihkan perkhidmatan secara berperingkat dan dijangka akan berjaya dipulihkan sepenuhnya pada Rabu depan (24 Julai 2019). Sehingga jam 12.00 tengah hari 21 Julai 2019, peratusan pemuliharaan telah mencapai 94%.

9. Serentak dengan insiden ini juga, AiS telah mengumumkan penangguhan kerja penambahbaikan di Loji SSP1 yang pada asalnya dijadual berlangsung pada 23 hingga 26 Julai akan datang.

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

21 JULAI 2019